

**Bahagian A**

1. [a] Apakah yang dimaksudkan dengan السنة غير التشريعية (sunnah yang tidak bersifat perundangan) serta nyatakan bahagian dan contohnya?

[35 markah]

- [b] Di antara perkara yang membatalkan keislaman seseorang ialah: "Berkeyakinan bahawa sebahagian manusia dibolehkan untuk tidak mengikut syariat Nabi Muhammad s.a.w.". Huraikan kenyataan tersebut serta berikan tiga contohnya yang berkaitan dengan amalan golongan kerohanian yang sesat.

[30 markah]

- [c] Berikan DUA contoh mukjizat sains dalam al-Quran yang anda ketahui.

[20 markah]

- [d] Huraikan istilah-istilah berikut:

[i] *Sabab Wurud al-Hadith.*

[ii] *Surah Makkiyyah.*

[iii] *Ilmu Mukhtalaf al-Hadith.*

[15 markah]

2. Aqidah adalah tonggak kehidupan seorang muslim. Justeru itu aqidah wajib dipelihara kesahihannya.

- [a] Huraikan perkara berikut:

[i] Tauhid al-Rububiyah.

[ii] Tauhid al-Uluhiyyah.

[iii] Tauhid al-Asma wa al-Sifat.

[30 markah]

- [b] Huraikan EMPAT kesan aqidah yang sahih terhadap ibadah atau amalan soleh seorang muslim.

[40 markah]

- [c] “Memperolok-olokkan sesuatu dari ajaran Rasulullah s.a.w ataupun memperolok-olokkan pahala maupun seksaan yang telah menjadi ketetapan agama”. Berdasarkan kenyataan ini:
- [i] Huraikan bentuk-bentuk persendaan yang memberi kesan terhadap akidah.  
[20 markah]
  - [ii] Nyatakan perbezaan antara mempersendakan agama dengan mempersendakan tokoh agama.  
[10 markah]
3. Al-Quran dan al-Sunnah adalah sumber tertinggi dalam ajaran Islam. Keduaduanya ada disiplin-disiplin tertentu dalam memahaminya.
- [a] Berikan takrif al-Sunnah serta huraianya.  
[30 markah]
  - [b] Jelaskan langkah-langkah utama dalam berinteraksi dengan sesebuah hadith.  
[30 markah]
  - [c] Huraikan pembahagian *Israiliyyat* serta pendirian ilmiah terhadapnya.  
[30 markah]
  - [d] Huraikan maksud istilah-istilah berikut:
    - [i] *Sabab Nuzul al-Quran*.
    - [ii] *Sanad*.[10 markah]

### **Bahagian B**

4. Syariah Islamiyyah mestilah menjadi pegangan setiap manusia yang mengaku dirinya beriman kepada Allah SWT.
- [a] Huraikan definisi syariah Islamiyyah dari segi bahasa dan istilah.  
[20 markah]
  - [b] Apakah perbezaan antara maksud syariah Islamiyyah dalam pengertiannya yang umum dan khusus.  
[20 markah]

- [c] Nyatakan hubungan antara makna syariah Islamiyyah dari segi istilah dengan maknanya dari segi bahasa.  
[20 markah]
- [d] Huraikan dua keistimewaan syariah Islamiyyah berbanding syariat-syariat yang lain.  
[40 markah]
5. Allah SWT berfirman yang bermaksud "... sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku dan hidupku dan matiku (semuanya) kerana Allah, Tuhan sekalian alam" (al-An'am:162). Berdasarkan ayat di atas:
- [a] Nyatakan konsep ibadah menurut syariat Islam.  
[20 markah]
- [b] Huraikan ciri-ciri keistimewaan ibadah dalam Islam berbanding agama lain.  
[40 markah]
- [c] Nyatakan konsep *rukhsah* dalam ibadah dan dua contohnya.  
[20 markah]
- [d] Nyatakan syarat-syarat menjadikan aktiviti perniagaan sebagai ibadah dalam Islam.  
[20 markah]
6. Akhlak yang baik terhasil daripada pegangan aqidah yang sahih dan penghayatan syariah yang komited. Berdasarkan pernyataan di atas:
- [a] Bincangkan konsep akhlak dalam Islam serta bezanya dengan konsep moral dan etika dalam pengertian konvensional.  
[40 markah]
- [b] Huraikan tiga dimensi akhlak dalam Islam berdasarkan maksud ayat-ayat al-Qur'an dan hadith-hadith yang berkaitan.  
[30 markah]
- [c] Huraikan dua bentuk penghayatan akhlak Islam dalam alam rumahtangga.  
[30 markah]